

EKONIAGA

Lebih banyak syarikat tawar kursus SkillsFuture

▶ **ATIYAH MOHD SAID**
atiyahm@sph.com.sg

LEBIH banyak syarikat Melayu-Islam kini menawarkan kursus yang diluluskan SkillsFuture SG (SSG) – sekali gus membolehkan warga setempat menggunakan Kredit SkillsFuture sebagai yuran kursus.

Buat masa ini, terdapat sekurang-kurangnya tiga syarikat Melayu-Islam yang sudah mendapat kelulusan SSG.

Mereka ialah SSA Consulting Group, Sisters Cookies dan Oumiworks Pte Ltd.

Sebuah lagi syarikat Akademi Kulineri Mamanda, kini dalam proses mendapat kelulusan bagi kursusnya.

Pemilik studio membuat roti dan kek, Sisters Cookies, Cik Suriani Abdul Samad, telah mendapat kelulusan SSG sekitar dua minggu lalu bagi kursus membuat roti.

“Sebenarnya kami sudah lama merancang memanfaatkan rangka kerja Kredit SkillsFuture kerana ia membuka lebih banyak peluang dan dapat mendekati lebih ramai warga Singapura, sama ada bagi mencuba atau menimba kemahiran baru atau memperbaiki diri mereka.”

“Dengan menggunakan Kredit SkillsFuture, mereka da-



DEKATI LEBIH WARGA SETEMPAT: Dengan membolehkan peserta memanfaatkan Kredit SkillsFuture, Cik Suriani berharap ia akan menjadi kos kursusnya lebih dimampui. – Foto BH

pat melakukan ini tanpa mengeluarkan terlalu banyak belanja,” ujar beliau yang membangunkan kursus itu.

Sejak menerima kelulusan itu, permintaan bagi kursus yang dikendalikan semingggu sekali itu telah meningkat.

“Sambutan memang menggalakkan. Kelas hujung minggu kami bagi Januari dan Februari sudah penuh sementara kelas bagi Mac juga mendapat sambutan rancak,” terangnya.

Pemilik SSA Consulting Group – syarikat penyedia latihan Melayu pertama yang diluluskan untuk kursus Kemah-

iran Tenaga Kerja (WSQ), Encik Suhaimi Salleh, berkata banyak kelebihan yang boleh diraih oleh syarikat dengan adanya kelulusan SSG.

Syarikat yang diluluskan bagi menawarkan kursus WSQ bermakna mereka boleh mendapatkan geran pemerintah untuk subsidi yuran atau kos kursus latihan.

“Sebuah syarikat penyedia latihan yang menyediakan kursus bagi membolehkan peserta mengembangkan potensi mereka dalam pekerjaan dan perniagaan wajar mendapatkan kelulusan SSG.



DAPAT SAMBUTAN: Kursus memasak dijalankan di bawah Institut Kulineri SSA antara yang boleh memanfaatkan Kredit SkillsFuture dan mendapat sambutan baik. – Foto SSA CULINARY

“Ia akan membantu syarikat itu memasarkan kursus mereka kepada pasaran lebih luas kerana kini yuran latihan dapat dibayar melalui Kredit SkillsFuture dan tiada tunai akan terlibat jika kredit itu cukup untuk membiayai kos,” jelas beliau.

Kini, 50 kursus di bawah SSA yang boleh menggunakan Kredit SkillsFuture seperti kemahiran asas komputer dan komunikasi.

Sementara itu, Encik Zulkarnine Hafiz, Pengarah Akademi Kulineri Mamanda, sedang dalam proses mendapat kelu-

san bagi sekurang-kurangnya empat kursus yang akan dijalankan pada Februari nanti.

Antara kursus itu termasuk kursus memasak sajian Melayu secara berpasangan.

“Kami sedar yang masih ramai masyarakat Melayu belum memanfaatkan Kredit SkillsFuture mereka sama ada untuk belajar kemahiran baru atau peringkatkan diri.

“Jadi kami mahu memastikan yang langkah ini dapat membantu seberapa ramai masyarakat kita agar mereka tidak ketinggalan dalam memperbaiki diri.

Syarikat perlu lalui proses penilaian ketat

TIGA tahun lalu apabila Cik Nur Sobah Mahmood Bamadhaj berhenti menjadi guru bagi memulakan firma latihan, cabaran utamanya ialah menimba pengetahuan tepat untuk berkembang sebagai peniaga.

Cabaran ini yang terus dihadapi peniaga wanita hari ini telah menggalak pemilik syarikat Oumiworks Pte Ltd itu supaya membangunkan kursus khusus bagi kaum Hawa.

Kini, kursus Mumpreneur – yang bertujuan membantu golongan wanita dan ibu memperkasakan diri dalam memulakan perniagaan – telah menerima kelulusan SkillsFuture SG (SSG).

Ini bermakna peserta boleh menggunakan Kredit SkillsFuture bagi membayar kos kursus itu.

Semasa ditemui, Cik Nur Sobah, 38 tahun, menjelaskan kelulusan itu mengambil masa tiga bulan dan syarikatnya harus menjalani proses penilaian yang agak ketat.

“Proses mendapat kelulusan memang tidak begitu mudah kerana kriteria penilaian yang agak ketat dan kita perlu memastikan semua pelan kursus dan dokumen syarikat adalah jelas dan teratur.

“Walaupun terpaksa menunggu beberapa bulan, tetapi kami rasa ia satu langkah yang penting bagi syarikat kami dalam usaha meningkatkan kewibawaan kursus latihan yang kami tawarkan.

“Di samping itu, ia bertujuan membina keyakinan dengan pelanggan – sebab dengan adanya kelulusan agensi pemerintah, ia bermakna kita harus memastikan mutu kursus terus dijaga manakala bagi pelanggan, mereka ada



PASARAN WANITA: Cik Nur Sobah menggunakan pengalamannya memulakan perniagaan sebagai seorang ibu dan wanita, untuk membangunkan program khusus bagi peniaga wanita. – Foto OUMIWORKS PTE LTD

saluran untuk membuat aduan atau laporan sekiranya sesuatu berlaku atau mereka tidak berpuas hati,” ujar ibu tiga anak itu.

Cik Nur Sobah menjelaskan apa yang penting juga, dengan penggunaan Kredit SkillsFuture, ia dapat membantu golongan yang memerlukan.

“Kami sebenarnya berharap untuk menjadikan kursus kami lebih dimampui dan meringankan kewangan mereka.

“Misalnya kami ada terima ibu tunggal yang ingin sertai kursus ini tetapi

mendapati kosnya - \$260 - agak tinggi. Kini mereka boleh menggunakan sehingga \$200 kredit SkillsFuture dan membayar \$60 dalam wang tunai,” tambahnya.

Syarikat itu kini dalam proses mendapat kelulusan SSG untuk dua lagi kursus, yang dijangka mengambil masa lagi sebulan.

Menurut beliau lagi, langkah itu telah meningkatkan keyakinannya untuk menjalankan projek lebih besar pada masa depan termasuk meluaskan perniagaan ke Malaysia.

“Matlamat kami ialah untuk menja-

di syarikat latihan yang diluluskan bagi kursus Kemahiran Tenaga Kerja (WSQ) dalam masa lima tahun.

“Jadi untuk mencapai ke tahap itu, kami harus perkukuhkan program atau kursus yang ada. Kami sedang berbin-bing dengan rakan kerjasama yang berpotensi di Malaysia dan berharap menawarkan kursus kami tahun depan,” tambahnya.

Dengan kelulusan SSG, syarikat itu menjangka permintaan bagi kursusnya akan meningkat dan menasarkannya nilai penjualan sekitar \$400,000 tahun depan.

Butiran SkillsFuture

SKILLSFUTURE sebuah program yang membantu rakyat Singapura belajar, menimba kemahiran baru dan mengenal pasti kekuatan baru di setiap peringkat sepanjang hidup.

Pemerintah menyokong pembelajaran warga melalui subsidi kursus dan Kredit SkillsFuture.

Mulai Februari lalu, semua warga Singapura berusia 25 tahun ke atas menerima kredit permulaan sebanyak \$500.

Tokokan secara berkala akan dibuat pada masa depan.

Warga juga mempunyai Akaun Kredit SkillsFuture yang boleh digunakan pada bila-bila masa bagi membayar pembelajaran atau latihan yang dipilih.

Berikut antara soalan yang sering dikemukakan mengenai Kredit SkillsFuture:

Adakah Kredit SkillsFuture sebuah akaun tunai?

Kredit SkillsFuture bukan akaun tunai dan tidak akan menerima sebarang bayaran faedah. Kredit tersebut boleh digunakan untuk membayar yuran kursus yang dibayar sendiri bagi menghadiri kursus berkaitan.

Anda tidak boleh mengeluarkan wang tunai daripada akaun ini untuk membayar penyedia latihan kerana urusan bayaran akan dibuat secara langsung melalui Portal Kredit SkillsFuture.

Adakah kredit sebanyak \$500 cukup membayar kos latihan?

Kebanyakan kursus kemahiran pekerjaan diberikan subsidi tinggi oleh pemerintah untuk memastikan kos latihan mampu ditanggung. Kredit tersebut boleh digunakan sebagai tambahan kepada subsidi yuran kursus yang sedia ada yang diberikan pemerintah.

Mengapa Kredit SkillsFuture hanya untuk warga Singapura berusia 25 tahun ke atas?

Kredit SkillsFuture adalah untuk warga Singapura yang telah menamatkan pendidikan sepenuh masa dan bersedia memulakan kerjaya mereka atau yang telah bekerja. Kredit tersebut membolehkan mereka melabur dalam pembelajaran sepanjang hayat mereka.

Bolehkah Kredit SkillsFuture dipindahkan kepada keluarga atau teman?

Kredit berkenaan tidak boleh dipindahkan.

Adakah saya perlu meng-

gunakan Kredit SkillsFuture saya sekarang?

Kredit tersebut tidak luput. Anda boleh menggunakannya sekarang atau kemudian. Anda juga boleh mengumpulkan kredit anda setiap kali tokokan dibuat pada kredit anda.

Penjelasan lanjut boleh diperolehi dengan melungsur laman www.skillsfuture.sg/credit.

SEKILAS KURSUS SKILLSFUTURE

* Keselamatan

Sijil dalam Operasi Keselamatan – KnowledgeTree
Sijil Lanjutan Penyelidik Keselamatan – KnowledgeTree

* Reka Bentuk

Animasi 3D – Institut Pendidikan Teknikal (ITE)
Adobe Illustrator (Asas) – ITE
Animasi & Seni 3D – Politeknik Nanyang (NYP)
Sijil Reka Bentuk Fesyen – Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa)
Sijil Fotografi – Nafa
Reka Bentuk Media Digital – Nafa

* Pengiklanan, Penjualan dan Pemasaran

Pengiklanan dan Perhubungan Awam – NYP
Pengurusan Jenama – Universiti SIM
Strategi mendapatkan pelanggan menerusi media sosial – Udemmy
Rahsia laman web yang menggalak penjualan membeli – Institut Pemasaran Singapura (MIS)

* Khidmat Pelanggan

Membina hubungan dengan pelanggan – Institut Pengurusan Pelancong Singapura
Membina pasukan yang memberi tumpuan kepada pelanggan – Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS)
Karyawan Perkhidmatan Bertauliah – Mendaki Sense

* Bahasa

Belajar Bahasa Mandarin (Asas) – Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina
Belajar Bahasa Inggeris (Asas) – Ilingua School of Languages
Belajar Bahasa Melayu (Asas) – Ilingua School of Languages

* Pembangunan Diri

Menyesuaikan Diri Kepada Perubahan – NTUC Learning Hub
Kunjungi laman SkillsFuture.sg bagi mendapatkan senarai penuh kursus yang ditawarkan.

Berita Harian

Pejabat Khidmat Sosial (SSO) adalah pusat sehati di estet HDB bagi menyelaras bantuan pemerintah dan masyarakat dengan lebih baik. Antara lain, pejabat itu akan mengagihkan dana kepada penduduk memerlukan dan bekerjasama dengan lebih 30 pertubuhan kebajikan sukarela (VVO) dan rakan kongsi masyarakat di sesebuah kawasan itu untuk menyelaraskan perkhidmatan sosial yang ditawarkan.

SENARAI PEJABAT KHIDMAT SOSIAL (SSO) DI SINGAPURA

1 Pejabat Khidmat Sosial @ Ang Mo Kio
6A Ang Mo Kio
St 53 Ang Mo Kio 3G Centre
Singapore 569208

2 Pejabat Khidmat Sosial @ Bedok
Blk 426 Bedok North Road
#01-515
Singapore 464026

3 Pejabat Khidmat Sosial @ Boon Lay
Blk 189 Boon Lay Drive
#01-254
Singapore 640189

4 Pejabat Khidmat Sosial @ Bukit Batok
Blk 369 Bukit Batok St 31
#01-505
Singapore 650369

5 Pejabat Khidmat Sosial @ Bukit Merah
Blk 105 Jalan Bukit Merah
#01-1942
Singapore 160105

6 Pejabat Khidmat Sosial @ Bukit Panjang
Blk 232 Pending Road
#01-29
Singapore 670232

7 Pejabat Khidmat Sosial @ Clementi
Blk 358 Clementi Ave 2
#01-285
Singapore 120358

8 Pejabat Khidmat Sosial @ Chua Chu Kang
Blk 8A Teck Whye Lane
Singapore 681008

9 Pejabat Khidmat Sosial @ Geylang Serai
10 Eunos Road 8
#12-02 Singapore Post Centre
Singapore 408600

10 Pejabat Khidmat Sosial @ Hougang
Blk 665 Hougang Ave 4
#01-345
Singapore 530665

11 Pejabat Khidmat Sosial @ Jalan Besar
Blk 806 King George's Avenue
#03-206
Singapore 200806

12 Pejabat Khidmat Sosial @ Jurong East
8 Jurong Town Hall Road
#03-11 The JTC Summit
Singapore 609434

13 Pejabat Khidmat Sosial @ Kreta Ayer
4 Sago Lane
#03-101
Singapore 050004

14 Pejabat Khidmat Sosial @ Queenstown
402 Commonwealth Drive Blk A
#01-01
Singapore 149599

15 Pejabat Khidmat Sosial @ Sengkang
Blk 261C Sengkang East Way
#01-506
Singapore 543261

16 Pejabat Khidmat Sosial @ Serangoon
Blk 332 Serangoon Ave 3
#01-257
Singapore 550332

17 Pejabat Khidmat Sosial @ Tampines
300 Tampines Ave 5
#06-01 NTUC Income Tampines Junction
Singapore 529653

18 Pejabat Khidmat Sosial @ Toa Payoh
490 Lor 6 Toa Payoh
#07-11 HDB Hub Bizthree
Singapore 310490

19 Pejabat Khidmat Sosial @ Woodlands
900 South Woodlands Drive
#06-13 Woodlands Civic Centre
Singapore 730900

20 Pejabat Khidmat Sosial @ Yishun
Blk 746 Yishun Street 72
#01-127
Singapore 760746

Sumber: <http://app.msf.gov.sg/About-MSF/Our-People/Divisions-at-MSF/Social-Development-and-Support/Social-Service-Office-Division>